

04/07/2003

Usaha membanteras penyeludupan beras tidak berkesan

Pemerhati Industri

OPERASI membanteras kegiatan cakera padat video (VCD) cetak rompak dan lucuh yang dilancarkan oleh polis dan agensi penguat kuasa kerajaan lain,

baru-baru ini berjaya melumpuhkan kegiatan lanun cetak rompak.

Satu demi satu operasi diadakan dan hampir semuanya membuahkan hasil dengan rampasan VCD cetak rompak dan lucuh.

Perkembangan ini adalah sesuatu yang baik, khususnya dalam usaha kerajaan untuk memupuk gaya hidup sihat dan pemikiran positif di kalangan rakyat.

Kesungguhan dan komitmen kerajaan dan pegawai penguat kuasa dalam operasi ini membanggakan dan berjaya mengembalikan kepercayaan rakyat kepada usaha mereka dalam menguatkuasakan undang-undang.

Namun, saya yakin ramai yang bersetuju bahawa operasi bersepadu besar-besaran yang dijalankan di seluruh negara bagi membanteras kegiatan mengeluarkan serta menjual VCD haram dan lucuh hanya diambil selepas campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Justeru, pasti menjadi harapan ramai jika Perdana Menteri dapat memberi

teguran dan nasihat sewajarnya bagi membanteras kegiatan penyeludupan beras yang dikatakan semakin sukar dibendung. Ini dikatakan berikutan pembabitkan beberapa pihak yang mempunyai hubungan dengan orang tertentu yang berpengaruh.

Di dalam hal ini, hanya arahan Dr Mahathir dapat menembusi tembok kekebalan orang berkenaan. Campur tangan Perdana Menteri pasti akan dapat menggerakkan seluruh jentera penguat kuasa yang membabitkan beberapa pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Pasukan Gerakan Am, Pasukan Pencegah Penyeludupan, Jabatan Kastam Diraja serta terpenting Unit Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian.

Menurut laporan media, operasi membanteras penyeludupan beras dilakukan

dengan mengadakan sekatan jalan raya di laluan strategik penyeludup seperti di Rantau Panjang, Wang Kelian, Gua Musang dan Lebuhraya Karak.

Banyak sekatan jalan raya diadakan, namun kegiatan penyeludupan masih berlaku. Walaupun, banyak tangkapan dilaporkan oleh media, masih banyak beras seludup di pasaran.

Adakah penyeludup terlalu bijak sehingga dapat mengelirukan pihak penguat kuasa atau adakah pihak penguat kuasa tidak berdaya menahan godaan

apabila wang tunai dilonggokkan di depan mata?

Sememangnya kita tidak boleh menuduh sebarang tanpa usul periksa dan bukti kukuh. Ada pendapat mengatakan selagi ada unsur penguat kuasa dalam

hal ini, selagi itulah akan ada elemen rasuah dan sogokan.

Tetapi, sejauh manakah benarnya pandangan ini? Jawapannya hanya akan

dapat diperoleh jika kerajaan mengambil keputusan untuk membanteras gejala penyeludupan seperti operasi membanteras VCD cetak rompak dan lucah dengan pemimpin tertinggi sanggup turun padang. Mereka juga perlu memberi jaminan serta sokongan sepenuhnya bagi menjayakan operasi membanteras penyeludupan beras.

Seperti yang kita sedar, isu penyeludupan beras ini hanya akan menjadi panas selepas mendapat liputan meluas media. Ketika itu, pihak berkuasa dan kementerian terbabit akan mengumumkan pelbagai strategi dan penubuhan jawatankuasa khas bagi mengatasi masalah ini.

Bagaimanapun, selepas beberapa ketika, isu ini akan kembali reda dan pihak berkuasa terbabit juga sibuk dengan isu lain.

Akibatnya, isu penyeludupan ini hanya menjadi isu tahunan yang diulang tayang setiap tahun khususnya apabila tiba musim menuai dan timbul pelbagai masalah dalam industri padi beras negara.

Apa yang ingin saya ketengahkan di sini ialah usaha membanteras kegiatan penyeludupan beras ketika ini tidak begitu berkesan.

Kementerian Pertanian yang bertanggungjawab menguruskan industri padi beras perlu mengkaji dan mencari punca kegiatan penyeludupan masih berleluasa.

Adakah ia disebabkan oleh kakitangan penguat kuasa yang tidak mencukupi atau cara pemeriksaan di setiap sekatan jalan raya tidak cukup sistematik?

Atau adakah wujud gejala mengambil rasuah di kalangan pegawai penguatkuasanya (mungkin hanya segelintir pegawai penguat kuasa yang terbabit dalam kes ini). Namun, jika ia benar, tindakan tegas harus diambil terhadap mereka yang tidak menjalankan tugas dengan amanah dan penuh bertanggungjawab ini.

Saya berpendapat tiba masanya kita memperbaiki imej Malaysia yang kini berada di tempat ke-33 di kalangan negara dunia dari segi amalan rasuah. Ini menunjukkan amalan rasuah memang sesuatu yang biasa di kalangan rakyat negara ini.

Kempen Hapuskan Rasuah yang dilancarkan oleh Badan Pencegah Rasuah baru-

baru ini juga selaras dengan impian Perdana Menteri untuk melahirkan generasi Malaysia yang jujur dan amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka kepada agama, bangsa dan negara.

Saya berpendapat jika keadaan ini berterusan, pihak BPR perlu campur tangan dan memainkan peranannya.

Bidang kerja seorang pegawai penguat kuasa sememangnya terdedah kepada pelbagai dugaan daripada caci maki serta ugutan termasuk juga serangan secara fizikal.

Di satu sudut lain, penguat kuasa juga terdedah kepada sogokan dan rasuah yang mungkin jauh lebih banyak daripada gaji bulanan mereka.

Lebih memburukkan keadaan, sesetengah penguat kuasa yang jujur dan tidak mengambil rasuah akan dipulau dan dipinggirkan oleh rakan setugas.

Akhirnya mahu atau tidak mahu mereka terpaksa turut serta dan terjebak ke dalam kancuh rasuah akibat dipengaruhi rakan setugas lain.

Dalam hal ini, kita perlu rujuk kembali kepada prinsip kesetiaan dan kejujuran pegawai dan kakitangan dalam menjalankan tugas mereka.

Mereka perlu sedar bahawa banyak pihak lain yang tertindas akibat perbuatan mereka, termasuk golongan pesawah yang rata-ratanya hidup dalam kemiskinan.

Jika benar ini berlaku, pihak Kementerian Pertanian dan agensi terbabit perlu mengambil tindakan untuk menyelaraskan kembali pasukan penguatkuasanya dan menyusun semula strategi bagi membanteras kegiatan penyeludupan dengan lebih berkesan.

Dalam hal ini, ia pasti akan membabitkan nama baik dan maruah banyak pihak termasuk kementerian dan agensi terbabit. Namun, tiba masanya untuk pihak terbabit menegakkan kebenaran dan mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap kredibiliti mereka.

Saya yakin, jika kerajaan benar-benar ingin membanteras kegiatan penyeludupan, campur tangan dan teguran Perdana Menteri amat diperlukan.

Segala bentuk usaha sama ada sekatan jalan raya atau operasi besar-besaran serta penubuhan jawatankuasa khas tidak akan bermakna, selagi kerajaan tidak memastikan bidang penguatkuasaan bebas daripada segala bentuk gejala sogokan dan rasuah di setiap peringkat dari yang tertinggi hingga terendah.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan bahawa tiba masanya, Kementerian Pertanian mengadakan pemeriksaan di kilang dan gudang beras di seluruh negara bagi memastikan mereka bersih dan tidak terbabit dalam kegiatan penyeludupan.

Sekatan jalan raya walaupun akan terus diadakan, kita perlu mencari dan mengenal pasti siapakah 'pembeli' yang mewujudkan permintaan bagi beras seludup ini.

Dan jika sudah mendapat bukti yang cukup, mereka perlu dijatuhkan hukuman yang setimpal termasuk menggantung lesen memborong beras.

PEMERHATI INDUSTRI,  
Selangor.